

Pertunjukan Tanam2an Sanegeri Brunei	1
Duli Pengiran Bendahara Kembali Ka Brunei	2
Kematian Yang Sedih Di Sungei Brunei: Buroh Melayu Digigit Buaya	2
Peraduan Bachaan Koran Sanegeri Brunei	3
Peraduan Silat Dan Kuntau Sanegeri Brunei	3
Pancharagam Tentera Udara Diraja British Melawat Brunei	4
Perayaan Hari Keputeraan DYMM Sultan Brunei Didaerah2 Tutong Dan Temburong	4
Pernikahan Bekas Raja Isteri Brunei Di Malaya	5
Undang2 Baharu Majlis Ugama Dan 'Adat Istia'adat Negeri Brunei	6
Pembahagian Elektrik Bagi Daerah Tutong	7
Pemangku Penyimpan Wang Negeri Brunei	7
Penolong Resident Kuala Belait Yang Baharu	7
Pelawat2 Pengadilan Untuk Penjara Di Kuala Belait	7
Malam Aneka Warna Sambutan Hari Keputeraan DYMM Sultan Brunei	8
Pekerjaan Memberseihkan Sungei Kuala Belait	8
Kebakaran Di Temburong	8

Selanjutnya Baginda menyatakan bahwa pada tiap2 tahun yang lalu, orang ramai telah menyaksikan pertunjukan berjenis2 hasil bumi, yaitu waktu hari petani2 di Negeri ini, dan pertunjukan itu sangat2 menarik hati orang ramai.

Baginda berharap bahwa petani2 dan orang ramai yang menyaksikan pertunjukan hasil2 bumi itu bukanlah semata2 akan mengambil masa itu untuk bersuka, tetapi Baginda sangat2 mengharapkan mereka telah menunjukkan kebolehan usaha mereka dalam menanam.

Duli Yang Maha Mulia menasihatkan lagi kepada petani2 petani dan orang ramai supaya mereka berusaha dengan benar2 bagi menajam hasil yang memuaskan hati masing2 dan dengan hasil2 itu dapatlah diwujudkan satu daripada mata pendapatan yang akan memperkukuh pengiraan masing2 petak serta memberi bantuan kepada orang ramai dan kepada petak Kerajaan Negeri ini.

"Kita faham sekarang dari setahun ke setahun penduduk kita semakin bertambah", tegak Baginda, "tetapi kalau petani2 dan orang ramai tidak pula menunjukkan penghasilan bumi yang sangat sangat diperkukuh oleh orang ramai, maka sampai bila pun kita tidak akan mendapat kemajuan tentang makanan kerana kita sentiasa berharap sebanyak mungkin yang perlu didatangkan dari negeri lain. Dari itu, saya berharap orang ramai akan berusaha dan mengikut dalam petak2 ini dan saya percaya petak2 y a n g saya petikan diatas ini telah ada didalam rangkaian Penguasa Penguasa Tanah2an".



Tahun 1. No. 13

DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN
KERAJAAN BRUNEI
DUA KALI SABULAN

16 AUGUST, 1956.

PERTUNJOKAN TANAM2AN SANEGERI BRUNEI

Pertunjokan Tanam2an Sanegeri Brunei Kali Yang Ka 10 akan diadakan di Sekolah Melayu Sultan Muhammed Jemal-ul-Alam, Bandar Brunei pada hari Sabtu 25 August, 1956 dengan sechara besaran daripada tahun2 yang lalu.

Pertunjokan itu akan dibuka dengan rasmi oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri, Brunei pada pukul 10.15 pagi hari tersebut.

Hakim2 akan mengadakan barang2 pertunjokan dari pukul 8 pagi hingga ka pukul 10. pagi dan salepas dilangsungkan upacara pembukaan rasmi, maka pertunjokan itu akan terbuka k a p a d a orang ramai hingga ka pukul 5 petang.

Berhubung dengan Pertunjokan Tanam2an tersebut, maka Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin, dalam Titah Baginda yang disiarkan didalam buku sambutan pertunjokan itu, menyatakan bahawa Baginda perchaya dengan adanya sambutan dari orang kampung dan orang ramai serta dengan pimpinan pehak Pejabat Tanam2an, dapatlah pertunjokan itu beroleh kejayaan yang besar.

Selanjutnya Baginda menyatakan bahawa pada tiap2 tahun yang lalu, orang ramai telah menyaksikan pertunjokan berjenis2 hasil bumi, iaitu usaha dari petani2 di Negeri ini, dan pertunjokan itu sangat2 menarek hati orang ramai.

Baginda berharap bahawa petani2 dan orang ramai yang mempertunjokan hasil2 buminya itu bukanlah samata2 akan mengambil nama atau hadiah sahaja, tetapi Baginda sangat memperchaya'i mereka telah menunjokan kebolehan usaha mereka dalam tanaman.

Duli Yang Maha Mulia menasehatkan lagi kapada pehak2 petani dan orang ramai supaya mereka berusaha dengan benar2 bagi mendapat hasil yang memuaskan hati masing2 dan dengan hasil2 itu dapatlah dijadikan satu daripada mata pencharian yang akan memperbaiki penghidupan masing2 pehak serta memberi bantuan kapada orang ramai dan kapada pehak Kerajaan Negeri ini.

"Kita faham sekarang dari satahun ka satahun, penduduk kita semakin bertambah", tegas Baginda, "tetapi kalau petani2 dan orang ramai tiada pula menambahkan penghasilan bumi yang sangat sangat dikehendaki oleh orang ramai, maka sampai bila pun kita tidak akan mendapat kesenangan tentang makanan kerana kita sentiasa berharap semuanya perkara yang perlu didatangkan dari negeri lain. Dari itu, Saya berharap orang ramai akan berusaha dan bergiat dalam perkara ini dan Saya perchaya perkara y a n g Saya sebutkan diatas ini telah ada didalam ranchangan Penguasa Pejabat Tanam2an".

DULI PENGIRAN BENDAHARA KEMBALI KA BRUNEI

Wazir Yang Pertama Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia^{NT} Duli Pengiran Bendahara, dengan diiringi oleh Setia Usaha Sulit kapada Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Pehin Dato' Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Jahfar telah kembali ka Brunei dari England pada hari Thalatha 14 August, 1956.

Mereka telah berangkat ka England pada 9 July yang lalu kerana menyempornakan chuti masing2 dan telah balek ka Brunei dari Singapura bersama Jema'ah2 Haji dari Brunei yang telah berangkat ka Tanah Suchi pada tahun ini.

Pada masa berada di England, Pehin Dato' Perdana Menteri telah melawat dua orang anaknya, iaitu Inche' Abas bin Haji Ibrahim, bekas Juru Iring kapada Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, yang pada masa ini sedang menghadziri Kursus Pertadbiran atas perbelanjaan perchuma Kerajaan Brunei dan saorang lagi anaknya Inche' Isa bin Haji Ibrahim yang sedang belajar di Chartway Sevenoaks School di Kent.

KEMATIAN YANG SEDIH DI SUNGEI BRUNEI

BUROH MELAYU DIGIGIT BUAYA

Suatu kematian yang agak sedih telah berlaku di Sungai Brunei pada 8 August yang lalu menekala saorang Melayu, Timbang bin Tahir, telah digigit oleh saekor buaya.

Allah Yarham itu berumur 45 tahun telah meninggalkan saorang balu dan tujuh orang anak. Sabelum berlaku kemalangan yang membawa maut itu, beliau bekerja sebagai saorang buruh di sabuah sharikat perniagaan disini, iaitu The North Borneo Trading Company Limited selama satahun.

Pada pukul 7.30 malam 8 August, Timbang telah pergi menangkap ikan bersama dengan saorang anaknya berumur 13 tahun bernama Abdul Ghani disuatu tempat berdekatan Kampong Tamoi dimana ia dan keluarganya tinggal.

Ketika tiba ditempat itu, Timbang berpendapat ayer sungai itu tidaklah berapa dalam. Lalu iapun turun dari perahunya dan menjalankan ikan beberapa kali. Pada suatu masa sedang ia menjalankan ikan, saekor buaya telah tiba dari belakangnya dan dengan serta merta menggigitnya. Buaya yang bengis itu pun hilang dari tempat itu bersama dengan Timbang.

Abdul Ghani, anak simati itu, ketika melihat kejadian yang sedih itu terus mendayongkan sampannya kadarat dan memberi tahu peristiwa yang sedih itu kapada pehak Police.

Pada keesokan hari, beberapa orang Police telah pergi ka tempat yang dikatakan berlaku kemalangan tersebut dan melihat dua ekor buaya, panjangnya kira2 20 kaki saekor. Meskipun mereka telah menchuba hendak menimbak akan buaya2 itu, tetapi oleh kerana jaraknya diantara mereka dan buaya itu sangatlah jauh, tidaklah dapat dihasilkannya.

Dua hari selepas berlaku kejadian yang sedih itu, penduduk2 di Kampong Ayer telah berjumpa mayat Timbang dan mendapati luka di muka dan ditangannya.

Oleh kerana berimbang rasa atas kematian yang sedih itu, sidang jema'ah di Masjid Bandar Brunei selepas menghadziri Sembayang Juma'at pada 10 August yang lalu telah mengeluarkan

derma sebanyak \$ 80.00 ...

kurma sebanyak \$ 80.00 untok diberi kapada keluarga simati itu.

Lebih lanjut kita mendapat faham bahawa Persatuan Kesatuan Islam Brunei telah membuat permohonan kapada Yang Berhormat British Resident, Brunei meminta kaizinan hendak mengutip derma daripada orang ramai dan menghadihkannya kapada keluarga Timbang bin Tahir.

PERADUAN BACHAAN KORAN SANEGERI BRUNEI

Peraduan Akhir Bachaan Koran Sanegeri Brunei yang telah diadakan dibawah anjoran Kesatuan Islam Brunei, telah dilangsungkan di Masjid Pekan Brunei pada petang hari Khamis 16 August, 1956.

Seramai 28 orang, mengandongi orang2 dewasa, kanak2 lelaki dan perempuan, telah bertanding dalam peraduan akhir itu mewakili Daerah2 Brunei, Muara, Tutong, Temburong, Seria dan Belait.

Hadiah2 telah disampaikan kapada pihak2 yang berjaya oleh Wazir Yang Pertama Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara selepas peraduan2 tersebut.

Daripada 9 hadiah2 yang dikeluarkan, Daerah Brunei telah menchapai 3 hadiah2, Seria 3 hadiah2, Kuala Belait 2 hadiah2, dan Tutong satu hadiah. Keputusannya adalah seperti berikut:

Orang2 dewasa (lelaki): 1. Majid bin Mohamed, 413 markah dari Kuala Belait; 2. Masri bin Abon, 406 markah dari Seria; dan 3. Awang Tengah bin Ghafar, 394 markah dari Tutong.

Kanak2 lelaki: 1. Bohaki bin Mat, 393 markah dari Seria; 2. Othman bin Haji Ya'kob, 361 markah dari Brunei; dan 3. Ashari bin Moham S. Salleh, 357 markah dari Brunei.

Kanak2 perempuan: 1. Dayang Zaidah binte Omar Ali, 392 markah dari Kuala Belait; 2. Dayangku Rokiah binte Pengiran Bakar, 371 markah dari Seria; dan 3. Dayang Zaleha binte Abdul Razak dari Brunei.

PERADUAN SILAT DAN KUNTAU SANEGERI BRUNEI

Suatu Mashuarat yang telah diadakan di Bilek Bachaan Pejabat Penerangan Kerajaan Brunei pada 9 August yang lalu, telah membuat keputusan hendak mengadakan Peraduan2 Silat dan Kuntau Sanegeri Brunei sebagai salah satu daripada rancangan2 sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei yang akan dilangsungkan dengan meriahnya pada minggu ketiga bulan September akan datang.

Mashuarat itu telah memutuskan juga bahawa selain daripada Peraduan Silat dan Kuntau Sanegeri Brunei, Peraduan Silat dan Kuntau akan juga diadakan ditiap2 buah daerah, iaitu sebelum dilangsungkan Peraduan Johan Sanegeri.

Inilah kali yang kedua peraduan sademikian diadakan di Brunei. Pada kali yang pertama, peraduan sademikian itu telah diadakan dikawasan Istana Darul Hana, Brunei pada malam

24 January tahun ...

24 January tahun ini, iaitu pada masa lawatan Pesuruh Jaya Agong Tenggara Asia, Yang Amat Berhormat Sir Robert Scott, ke Brunei.

Mashuarat tersebut telah bersetuju bahawa Peraduan Akhir Johan Silat dan Kuntau Sanegeri Brunei akan diadakan pada masa sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei pada tiap2 tahun.

Pengurus Jawatan Kuasa Peraduan Silat dan Kuntau Sanegeri Brunei menyatakan bahawa syarat2 dan sebagainya mengenai Peraduan tersebut telah pun dihantarkan kepada Pejabat2 Daerah saluruh Brunei. Salepas diadakan Peraduan Johan Silat dan Kuntau itu bagi tiap2 daerah, katanya, maka Johan bagi tiap2 daerah itu akan bertanding dalam Peraduan Akhir untuk merebutkan gelaran Johan Sanegeri.

Meskipun tempat yang akan dilangsungkan Peraduan Akhir itu belum lagi ditetapkan, tetapi adalah diperchaya'i bahawa peraduan itu akan dilangsungkan dikawasan Istana Darul Hana, Brunei sebagai masa Peraduan Johan Sanegeri pada awal tahun ini.

Adalah dijangka bahawa Jawatan Kuasa Peraduan Silat dan Kuntau Sanegeri Brunei akan memberi tahu tempat yang akan dilangsungkan peraduan itu sedikit hari lagi.

PANCHARAGAM TENTERA UDARA DIRAJA BRITISH MELAWAT BRUNEI

Adalah difahamkan bahawa dengan kemurahan hati Air Officer Commanding Far Eastern Air Force, sarombongan Pancharagam ("Band") Tentera Udara Diraja British akan melawat Brunei pada bulan hadapan dan mengambil bahagian dalam temasha sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.

Pancharagam itu dijangka akan tiba di Bandar Brunei dari Seria pada 24 September dan berangkat ka Labuan pada 25 September.

Pancharagam itu adalah mengandungi seramai 24 orang ahli2, dan semasa mereka berada di Bandar Brunei, penduduk penduduk tempatan dipinta memberi pertolongan mengenai tempat tinggal kepada mereka.

PERAYAAN HARI KEPUTERAAN DYMM SULTAN BRUNEI

DIDAERAH2 TUTONG DAN TEMBURONG

Daerah Tutong, Brunei akan menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin pada bulan hadapan dengan mengadakan keramaian sechara besaran mengandungi Perlumbaan Diayer ("Regatta"); Malam Anika Warna; Peraduan Memasang Lampu2 Rumah; Peraduan Membacha Koran; Pertunjukan Tarian Kajat; Ronggeng dan Taman Hiborran.

Demikianlah dipersetujukan dalam suatu Mashuarat diantara Pegawai2 Kerajaan dan para pembesar di Daerah Tutong baharu2 ini.

Selain daripada mengadakan temasha2 tersebut, Jawatan Kuasa Sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei bagi Daerah .

Brunei bagi Daerah Tutong juga sedang membuat rancangan bagi mengadakan pertunjukan Bunga Api dan perhubungan membeli bunga api dari luar negeri sedang dijalankan pada masa ini.

Jawatan Kuasa Sambutan temasha tersebut yang telah dilantik ialah seperti berikut:

Penaong: Pengiran Ahmad bin Pengiran Anak Luba, Pegawai Daerah, Tutong; Yang Dipertua: Inche' Ibrahim bin Awang Besar; Naib Yang Dipertua: Mr. Chong Seng Tow; Setia Usaha Agong: Inche' Zainal bin Panjang.

Ahli2 Jawatan Kuasa : Penghulu Safar bin Salleh, Dato' Haji Yusuf, Penghulu Gadong bin Orang Kaya Andor, Kuda bin Kamar, Laju bin Orang Kaya Sura, Laing bin Lumba, Haji Abdul Ghapar, Ke' Othman bin Samsuddin, Imam Mohd. Tahir, Towkay Ah Siang, Oh Choon Huat, Pengiran Radin, Che' Halil bin Abdul Latif dan Che' Mundus bin A. Rahman.

Sementara itu adalah diberitakan dari Temburong, Brunei bahawa Daerah itu juga akan mengadakan temasha2 yang meriah bagi menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei pada tahun ini selama 4 hari, mulai dari hari Ahad 23 September hingga ka hari Rabu 26 September.

Diantara temasha2 yang akan diadakan di Temburong sebagai mana yang telah dipersetujukan dalam suatu Mashuarat baharu2 ini ialah Peraduan Perarakan Lampu2 di Padang Bangar; Anika Warna; Malam Sandiwara; Perlumbaan Diayer dan di Darat; Peraduan Pan-chak Silat dan Peraduan Kajat serta Peraduan Bachaan Koran dan Peraduan Zikir.

Jawatan Kuasa Sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei bagi Daerah Temburong mengandungi seramai 24 orang adalah diketuai oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Ahmad sebagai Yang Dipertua dan Mr. Ang Goo Ann sebagai Naib Yang Dipertua.

Sayugia disebutkan bahawa inilah julong2 kali kedua Daerah tersebut mengadakan temasha kerana menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.

PERKAHWINAN BEKAS RAJA ISTERI BRUNEI DI MALAYA

Tengku Ampuan Rohani, bekas Raja Isteri Brunei dan Balu kapada Almerhum Sultan Brunei, Sir Ahmad Tajuddin telah berkahwin dengan Raja Kamaruddin bin Raja Haji Harun dari Askar Melayu di Istana Bukit Kota, Klang, Selangor, Persekutuan Tanah Melayu pada hari Sabtu 18 August, 1956.

Tengku Ampuan Rohani, berusia 47 tahun, ialah saorang Puteri kapada Almerhum Sultan Selangor dan saorang saudara kapada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sekarang ini. Suaminya itu, berumur 38 tahun ialah saorang Ahli Kerabat Diraja Negeri Perak, Persekutuan Tanah Melayu.

Akan diingatkan bahawa Almerhum Sultan Brunei, Sir Ahmad Tajuddin, Sultan Brunei Yang Ka 27 telah mangkat di Rumah Sakit Besar di Singapura pada bulan June, 1950 dalam masa perjalanan Baginda ka England dan tidak berapa lama dari tarikh itu, adinda Baginda, Sir Omar Ali Saifuddin telah ditabalkan menjadi Sultan Brunei sekarang ini.

UNDANG2 BAHARU MAJLIS UGAMA DAN 'ADAT ISTIADAT NEGERI BRUNEI

(Sambongan dari PELITA BRUNEI No. 12)

Maskahwin dan Pemberian

Maskahwin hendaklah lazimnya dibayar oleh suami atau wakilnya kepada isteri atau wakil isterinya itu dihadapan orang yang mengadakan nikah itu dan sekurang2nya disaksikan oleh dua orang yang lain.

Hendaklah Pendaftar yang berkaitan dengan tiap2 nikah yang akan didaftarkan olehnya, menentukan dan menulis banyaknya Maskahwin; banyaknya sebarang pemberian; kadar daripada jumlah Maskahwin atau Pemberian atau kedua2nya yang dijanjikan, tetapi tidak dibayar pada masa diadakan nikah itu; dan kenyataan sebarang jaminan yang diberi kerana pembayaran sebarang Maskahwin atau Pemberian.

Pendaftaran Nikah2

Didalam tempoh tujuh hari selepas diadakan nikah, maka hendaklah menjadi kewajipan pihak2 yang bernikah dan wali perempuan yang bernikah itu, jika ada, dan orang yang mengadakan nikah itu memberi tahu kepada Pendaftar bagi Mukim tempat Nikah itu perkara mengenai pernikahan itu dan segala kenyataan2 yang dikehendaki dan membayar belanja2 yang ditetapkan didalam jadual yang keempat dan Pendaftar itu hendaklah dengan serta merta mendaftarkan nikah itu.

Hendaklah menjadi kewajipan Pendaftar itu sebelum mendaftarkan sebarang nikah membuat penyiasatan dan memuaskan hatinya bahawa segala kehendak Hukom Shara' dan Undang2 ini yang berkenaan dengannya telah pun memuaskan hatinya dan juga nikah itu adalah sah dan boleh didaftarkan.

Maka berkuasalah sasaorang Pendaftar untok menerima ikrar dan sumpah bagi memeriksa mana2 orang dengan ikrar atau sumpah yang berthabit dengan sebarang perkara yang diserahkan kepadanya bagi pendaftaran.

Apakala didaftarkan sebarang nikah dan dibayar kepadanya belanja2 yang ditetapkan, maka hendaklah Pendaftar itu mengeluarkan Surat2 Akuan Nikah mengikut borang yang ditetapkan kepada pihak2 yang bernikah.

Hendaklah Pendaftar juga, bila masa dibayar belanja2 yang ditetapkan, menyediakan Surat Ta'lek mengikut sebagai mana yang ditetapkan dengan mengambil tanda tangan pihak2 itu sendiri, menanda tangan surat itu dan memberi satu salinan surat itu kepada tiap2 pihak yang bernikah.

Adalah kewajipan Pendaftar memberi tahu kepada Kathi akan hal2 yang mengenai sebarang perkara yang ia mendapati bahawa sebarang nikah yang dikatakan tidak sah atau pun sebarang nikah yang didaftarkan itu telah diadakan dengan jalan yang berlawanan dengan syarat2 dari Undang2 ini.

Bolehlah saorang suami mencheraiakan isterinya mengikut Hukom Shara' dengan Satu, Dua atau Tiga Talak.

Didalam tempoh tujuh hari daripada masa percheraiian, maka suami itu hendaklah memberi tahu dari hal percheraiian itu dan segala kenyataan yang berthabit dengannya dan hendaklah ia membayar belanja2 yang ditetapkan kepada Pendaftar bagi Mukim Masjid dimana percheraiian itu telah berlaku dan hendaklah Pendaftar itu mendaftarkan percheraiian itu dengan sert merta.

(B E R S A M B O N G)

× PEMBAHAGIAN ELEKTRIK BAGI DAERAH TUTONG

Bandar Tutong, Brunei telah mendapat pembahagian elektrik pada julong 2 kali mulai dari 1 August tahun ini.

Pada masa ini penduduk2 di Bandar Tutong dapat menggunakan elektrik dari pukul 5.00 petang hingga ka pukul 11.00 malam pada tiap2 hari dan mungkin pada masa akan datang pembahagian elektrik itu akan diadakan pada sepanjang hari.

Bayaran elektrik bagi Daerah Tutong adalah sama saperti di Bandar Brunei dan di Kuala Belait, iaitu 25 sen pada tiap2 "unit" untuk lampu dan 8 sen pada tiap2 "unit" untuk kegunaan "power".

Sajumlah 29 rumah2 tumpangan Pegawai2 dan Anggota2 Kerajaan serta 6 buah rumah2 yang bukan dipunyai oleh Kerajaan dan 16 buah rumah2 kedai di Daerah itu sedang menggunakan elektrik pada masa ini.

Tutong ialah sebuah Daerah yang kecil yang diberi perbekalan elektrik pada kali yang pertama diantara Daerah2 yang kecil di Negeri ini, dan tidak berapa lama lagi, penduduk2 di Bandar Bangar, Temburong pula akan dapat menggunakan pesawat elektrik, iaitu pada masa pekerjaan membina sebuah Power Station di Bangar diselesaikan.

× PEMANGKU PENYIMPAN WANG NEGERI BRUNEI

Mr. M.D.B. Graham telah berhenti memegang jawatan sebagai Penyimpan Wang Negeri Brunei mulai dari 3 August, 1956 dan mulai dari tarikh itu juga Mr. E.W. Cousens dilantek menjadi Pemangku Penyimpan Wang Negeri Brunei.

× PENOLONG RESIDENT KUALA BELAIT YANG BAHARU

Mr. P.A. Coates telah berhenti memegang jawatan sebagai Penolong Resident, Kuala Belait mulai dari 30 July, 1956, dan tempatnya itu telah dipenohi oleh Mr. G. Lloyd-Thomas, bekas Pemangku Penolong Resident, Brunei dan juga bekas Pemangku Resident, Limbang, Sarawak.

× PELAWAT2 PENGADILAN UNTOK PENJARA DI KUALA BELAIT

Yang Berhormat British Resident, Brunei telah melantek empat orang ahli2 baharu Lembaga Pelawat Pengadilan bagi Penjara Kuala Belait pada tahun ini, menggantikan tempat Pehin Orang Kaya Shahbandar Tuan Haji Ahmad bin Daud, Inche' Sunny bin Ahmat, Mr. D.H.S. Reddish, dan Mr. Tan Poh Seong.

Ahli2 baharu Lembaga tersebut ialah Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Omar, Mr. G.H. Cautherley, Mr. Chua Kong Soon dan Mr. Yong Chi San.

MALAM ANEKA WARNA SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN DYMM SULTAN BRUNEI

Jawatan Kuasa Kechil Sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei yang bertanggung jawab dalam hal ehwal Malam Aneka Warna yang akan diadakan di Padang Pekan Brunei, dihadapan bangunan Pejabat2 Kerajaan, Pekan Brunei dari 24 hingga ka 26 September, telah memalumkan jenis2 peraduan2 yang akan diadakan pada temasha itu saperti berikut:

Tarian2, termasuk tarian2 asli dan baharu, terbuka kepada segala bangsa dan kanak2 sekolah; Nyanyian2 "classic", terbuka kepada segala bangsa dan kanak2 sekolah; Peraduan Nyanyian "modern" terbuka; Lakunan2 jenaka, terbuka kepada segala bangsa; Peraduan Pakaian Beragam, terbuka kepada segala bangsa; Peraduan Pakaian Kebangsaan, terbuka kepada segala bangsa; dan Peraduan Pakaian Chantek, terbuka kepada Perempuan2 dari segala bangsa.

Peraduan2 tersebut adalah terbuka kepada sesiapa pun yang tinggal di Brunei dan mereka yang suka hendak mengambil bahagian dalam peraduan2 tersebut, hendaklah menghantarkan nama dan 'alamat masing2 kepada:

Awang A. Hapidz Laksamana, Pengurus Malam Aneka Warna Sambutan Hari Keputeraan Sultan, c/o Melayu & Company, 12 Jalan Sultan, Pekan Brunei.

Orang2 yang hendak mengambil bahagian dalam peraduan2 tersebut, adalah dipinta menyatakan dalam surat2 permintaan mereka, jenis peraduan2 yang mereka hendak bertanding serta lain2 kenyataan dan hantarkan surat2 itu kepada Pengurus Malam Aneka Warna tersebut sebelum hari Ithnin 10 September, 1956. Permintaan2 terlewat dari tarikh ini tidak akan diterima.

PEKERJAAN MEMBERSEHKAN SUNGEI KUALA BELAIT

Adalah diberitakan dari Ulu Belait bahawa pekerjaan membersehkkan Sungei Kuala Belait sedang berjalan dengan majunya dibawah pimpinan Captain Doust dari Federal Dredging Company, Singapura. Pasokan pembersehan sungei itu yang telah mulai menjalankan pekerjaannya samentak beberapa minggu yang lalu, telah dapat membersehkkan sungei itu sejauh 3 batu dari kuala ka ulu sungei itu.

Captain Doust dan Juru2teranya dengan bantuan beberapa orang buroh dari kaum Iban telah sibok menjalankan pekerjaan mereka dalam mana mereka telah membedilkan batu2 karangan yang berada di Sungei Belait yang telah menghalangkan lalu lintas samentak beberapa lama.

KEBAKARAN DI TEMBURONG

Suatu kebakaran yang telah menyebabkan tujuh keluarga2 kaum Murut hilang rumah tangga mereka telah berlaku di Daerah Temburong sedikit hari dahulu pada masa mereka itu sedang bekerja di Ladang2 mereka kira2 2 atau 3 batu jauhnya dari rumah mereka. Ketua keluarga2 Murut itu ialah Tali bin Sia, Sibau Singa, Singa bin Labu, Lawi bin Hussein, Ating bin Masmoi, Sia bin Gelawat dan Sichin binte Kerani. Pejabat 'Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri Brunei telah mengeluarkan hadiah sebanyak \$ 390 kepada keluarga2 yang malang itu.